



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

*Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, 50782 Kuala Lumpur
Tel: 03-20944702; Fax: 03-20956523; Emel: pro@kpkt.gov.my.*

(63)KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 36

26 Ogos 2009

Pengarang
The Star

Tuan/Puan,

Akhbar : The Star
Tarikh : 17 Ogos 2009
Ruangan : News
Muka surat : M5
**Tajuk : Waiting for their homes: Housebuyers
express unhappiness over delay**

Merujuk kepada artikel dari akhbar The Star bertajuk “**Waiting for their homes: Housebuyers express unhappiness over delay**”, Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada pihak The Star kerana mengenengahkan permasalahan ini.

Untuk pengetahuan pihak tuan, KPKT khususnya Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta, Jabatan Perumahan Negara telah mengadakan mesyuarat dengan wakil pembeli dan pihak-pihak yang berkenaan untuk membincangkan status terkini projek

Ukay Bistari serta mesyuarat bagi perbentangan prosedur-prosedur pengeluaran wang daripada Akaun Pemajuan Perumahan (HDA).

Melalui lawatan tapak oleh Pengarah Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta (BPPS), Jabatan Perumahan Negara (JPN) mendapati kerja-kerja di tapak sedang bergerak dan dijangka akan disiapkan pada Ogos 2010.

Sebagai langkah pencegahan, Bahagian Pelesenan Pemaju Perumahan telah menyenaraihitamkan pemaju bagi sebarang permohonan untuk mendapatkan lesen pemajuan perumahan yang baru atau pembaharuan ke atas permit iklan dan jualan.

JPN memandang serius terhadap kelewatan penyiapan projek ini dan segala usaha yang dilaksanakan adalah dengan satu tujuan iaitu untuk memastikan projek perumahan ini dapat disiapkan sehingga penyerahan hak milik kosong (*Vacant Possession*) kepada pembeli tanpa melibatkan implikasi perundangan yang lebih kompleks.

Bertepatan dengan tujuan tersebut, JPN sentiasa mengambil segala tindakan dan usaha selaras dengan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] & Peraturan-Peraturan demi menjaga kepentingan pembeli rumah.

Dikeluarkan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan